

NO SOALAN :32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.07.2017

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) jumlah GST yang telah dikutip pada tahun 2015, 2016 dan 2017 serta jumlah hasil kutipan yang diterima daripada negeri Sarawak; dan

(b) bilakah Kerajaan akan mengenakan GST kepada lebih 60 barangan makanan yang sebelum ini ditetapkan akan mulai 1 Julai 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan

GST bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah sebanyak RM27.012 bilion dan RM41.206 bilion. Manakala bagi tahun 2017, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM19.311 bilion.

Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan dan dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran perniagaan atau pendaftaran perlesenan dibuat dan lokasi perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak menggambarkan bahawa kutipan tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti pengutipan GST yang dibuat mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Dalam hubungan ini, jumlah kutipan bersih hasil GST di negeri Sarawak bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM0.86 bilion, tahun 2016 sebanyak RM1.42 bilion dan tahun 2017 iaitu sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM0.62 bilion.

b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, Kerajaan

pada masa kini tiada perancangan untuk mengubah layanan semasa GST ke atas senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 6%, 0% dan dikecualikan. Pindaan ke atas senarai barang pada kadar 0% yang dibuat sebelum ini yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017 adalah bertujuan untuk diselaraskan dengan perubahan kod tariff *Harmonised System* (HS) 2017 yang telah dilaksanakan melalui Perintah Duti Kastam 2017. Pindaan susulan ke atas Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No.2) 2017 yang telah diwartakan pada 6 Jun 2017 untuk berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017 telahpun dibatalkan pada 21 Jun 2017 dan dengan itu perkara ini adalah tidak berbangkit lagi pada masa ini.